

Pelajar asing wajib ambil UKBM

Nilai: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memperkenalkan Ujian Kefahaman Bahasa Melayu (UKBM) yang wajib diambil pelajar asing di negara ini bagi memartabatkan bahasa kebangsaan di peringkat antarabangsa.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Awang Sariyan berkata, pihaknya menyiapkan kertas cadangan sebelum diserahkan kepada Kabinet bagi membuat dasar berkenaan.

"Pada peringkat awal kami ingin pelajar asing yang menuntut di negara ini menduduki ujian terbabit bagi melihat tahap pemahaman mereka.



AWANG (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Dr Musa.

"Berdasarkan hasil ujian, kami meletakkan mereka mengikut tahap pencapaian

sebelum diberi modul yang disediakan antara pihak kami dengan Majlis Pepe-

riksaan Malaysia (MPM)," katanya selepas Majlis Menandatangani Memorandum

Perjanjian (MoA) antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan DBP di Bangunan Canselori, USIM, di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor USIM Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

Awang berkata, pada peringkat awal, ujian itu tidak wajib lulus namun ia wajib diambil sebagai memartabatkan bahasa Melayu.

"Kami lihat kebanyakan negara maju menetapkan dasar kepada warga asing memahami bahasa ibunda mereka.

"Jika dasar ini diluluskan sesuai kerana Malaysia ke arah negara maju," katanya.